

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 06 SEPTEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

Kilang makanan disyaki punca pencemaran bau Sungai Semenyih

SHAH ALAM - Sebuah kilang berasaskan makanan dikenakan tindakan henti operasi berikutan disyaki menjadi punca pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Situasi itu mengakibatkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dihenti tugas sebanyak dua kali dalam tempoh tiga hari iaitu pada 31 Ogos lalu dan Jumaat.

Kementerian Alam Sekitar dan Air memaklumkan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor telah membuka kertas siasatan untuk mendakwa pemilik kilang terbabit.

Menurut kenyataan itu, henti tugas LRA tersebut berlaku akibat pencemaran sebatian penyebab bau (OCS) yang dikesan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) pada

tahap dua ton di muka sauk Jenderam Hilir pada jam 5.15 petang Sabtu.

"Siasatan oleh JAS Negeri Selangor pada Khamis dan Jumaat lalu mendapati kilang tersebut beroperasi dan beberapa sampel pelepasan efluen perindustrian dan sampel air sungai di muka sauk telah diambil serta dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk di analisa," katanya menerusi kenyataan media pada Ahad.

Kenyataan itu turut memaklumkan, siasatan diteruskan pada tengah malam Jumaat dan pengawasan kualiti udara yang dijalankan di takat pelepasan akhir kilang (sebelum ke longkang awam) berjaya menceraap beberapa bahan kimia iaitu sebatian organik meruap (VOC) dalam

udara yang berbau serta mempunyai persamaan dengan bahan-bahan VOC yang dikesan dalam sampel air berbau semasa kejadian henti tugas LRA Sungai Semenyih pada 31 Ogos lalu.

"Berdasarkan petunjuk terbaru tersebut, pihak JAS telah melaksanakan Penahanan Operasi Kelengkapan terhadap kilang di bawah Seksyen 38(1) (a) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 bagi menghentikan pencemaran serta merta dan proses pengeluaran kilang dihentikan sehingga siasatan lanjut selesai dijalankan.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 25 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009," kata kenyataan itu.



Penduduk Pangsapuri Putra Raya Seri Kembangan, Serdang mengisi air yang disediakan oleh Air Selangor berikutan gangguan bekalan air di kawasan tersebut ekoran henti tugas LRA di Sungai Semenyih kerana pencemaran bau ketika tinjauan pada Jumaat.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

Bekalan air di 463 kawasan pulih sepenuhnya

SHAH ALAM - Bekalan air di 463 kawasan yang terjejas akibat henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih, pulih sepenuhnya jam 12 tengah hari pada Ahad.

Air Selangor menerusi kemas kini di Facebooknya memaklumkan, kawasan berkenaan meliputi Petaling, Hulu Langat, Sepang, Putrajaya dan Kuala Langat.

"Air Selangor ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pengguna di atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh gangguan bekalan air tidak berjadual ini.

"Pengguna disarankan un-

tuk mendapatkan maklumat rasmi gangguan bekalan air menerusi semua medium komunikasi rasmi Air Selangor iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang www.air-selangor.com," kata kenyataan itu.

Air Selangor berkata, sebarang pertanyaan dan aduan boleh diajukan kepada Pusat Perhubungan Air Selangor di talian 15300 atau Help Centre di aplikasi Air Selangor.

Pada Jumaat, *Sinar Harian* melaporkan lima kawasan di Selangor mengalami gangguan bekalan air susulan pencemaran bau pada sumber air mentah.